

ABSTRAK

Antara keistimewaan yang terdapat dalam bahasa Arab sebagai bahasa wahyu ialah teknik pengulangan atau *al-Takra:r*. Kajian ini lebih tertumpu dalam bidang balaghah Arab yang melibatkan ilmu *al-Ma'a:ni*: yang merupakan satu daripada tiga cabang balaghah Arab.

Kajian ini menunjukkan bahawa pengulangan yang berlaku dalam al-Qur`an al-Karim merupakan salah satu bentuk I'ja:z al-Qur`an yang menunjukkan ketidakmampuan sesiapa pun untuk menyusun kata-kata yang mampu menyamai struktur kata dan ayat al-Qur`an.

Kajian ini mendapati bahawa pengulangan yang terdapat dalam surah al-Rahma:n iaitu ayat { فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ } adalah bertujuan untuk menarik perhatian pembaca, mengetuk jiwanya agar merenungi maksud yang terdapat pada gambaran-gambaran nikmat dan kudratNya. Justeru kedatangan ayat tersebut secara berulang-ulang bukanlah suatu perkara yang sia-sia ataupun tidak berfaedah seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak, tetapi sebaliknya ia berperanan menyenaraikan berbagai nikmat Allah di dunia untuk disyukuri, gambaran nikmat di akhirat sebagai kesinambungan nikmat dunia dan amaran tentang hukuman di akhirat.

Di samping gaya pengulangan yang merupakan salah satu daripada bentuk al-Itna:b, terdapat beberapa lagi bentuk al-Itna:b seperti *al-Awha:m* iaitu menyebutkan lafaz yang jelas maknanya setelah menyebutkan lafaz yang maknanya tidak jelas, *al-I:gha:l* iaitu menjelaskan dengan lebih terperinci dan *al-Tatmi:m* iaitu membuat sesuatu penambahan dalam ayat kerana sesuatu faedah dan sebab-sebab yang lain.

ABSTRACT

One of the uniqueness of the Arabic language, the language used for the words of Allah, is the use of the repetition technique, or *al-takra:r* in Arabic. This study is in fact, more focused in the field of *balaghah*, that involves *ilm al ma'ani*, which actually is one of the three branches of the study of the *Arabic balaghah*.

This study shows that the repetitions done in the Qur`an is a form of the many forms of I`ja:z al-Qur`an that proves that none could ever come up with sentences equaling those in the Qur`an.

This study also proves that the repetitions existing in surah al-Rahman i.e in the ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) is to attract the attention of the reader, knocking the heart to ponder and contemplate on the illustrations of the *nikmat* and the power of Allah. These repetitions thus are not done for no reasons – as has been claimed by certain groups. In fact, the repetitions serve to stress on the numerous provisions of Allah in this life to be thanked, all the provisions which are yet to be given in hereafter – as a continuation of those in this life and also stress on the warnings of the punishments already prepared in hereafter.

Apart from the repetition that form a part of the approach called *al-itna:b*, there are a few more elaboration techniques needed to be mastered by an Arabic language student namely *al-Awha:m*, that is to come up with phrases with clear meaning after those with vague meaning, and then *al-Igha:l*, that is to explain in more details, and *al-Tatmi:m*, that is to bring to a sentence an addition because of the benefit and other things.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah saya mengucapkan setinggi kesyukuran kepada Allah Yang Maha Esa, dengan taufik dan hidayahNya, saya dapat menyempurnakan kajian ini.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada Profesor Dr. Azirah Hashim mantan Dekan Fakulti Bahasa Dan Linguistik dan juga kepada Profesor Dr. Zuraidah Mohd Don, selaku Dekan Fakulti Bahasa Dan Linguistik kerana memberi peluang kepada saya menyertai Program Ijazah Kedoktoran di Fakulti ini.

Seterusnya setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat penyelia saya, Dr Mohd Zaki Abd Rahman, kerana bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang telah beliau berikan sepanjang penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada dua orang penyelia yang pernah membimbing saya iaitulah al-Marhumah Prof Madya Dr Siti Iqbal bt Sheikh Salleh dan Dr Mohd Rosdi Ismail.

Demikian pula kepada para guru saya yang telah mencurahkan ilmu dan pengalaman mereka sepanjang tempoh pengajian saya sejak di peringkat sarjana sebelum ini. Antara yang terlibat membantu menyiapkan kajian ini, sahabat baik yang Ustaz Abdul Muhsien Sulaiman, dari Fakulti Pendidikan UM, yang begitu bersungguh-sungguh memberikan sepenuh tenaganya membantu saya meneruskan kajian ini.

Saya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa saya, isteri yang tercinta, Mahfuzah bt Omar, rakan-rakan seperjuangan dan tidak lupa juga terhadap puteri-puteri dan putera saya yang tercinta, di atas dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap usaha yang dilakukan ini.

Tidak ketinggalan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada pihak perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa atas segala kemudahan yang diberikan.

Semuga usaha kita semua diberkati Allah s.w.t dan dinilai sebagai amal salih yang akan dinilai dengan sebaik-baiknya di akhirat kelak.

Zahazan bin Mohamed
Petaling Jaya.
Julai 2011